JPA(S)(BPO) 324/7/38 Klt.3 (47) SK1 (2) Siri No. 850

KERAJAAN MALAYSIA

---

PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 17 TAHUN 2006

---

# PERUBAHAN SKIM PERKHIDMATAN PENOLONG PEGAWAI TADBIR

## TUJUAN

1. Pekeliling Perkhidmatan ini bertujuan untuk memaklumkan keputusan kerajaan mengenai perubahan syarat lantikan bagi skim perkhidmatan Penolong Pegawai Tadbir Gred N27, N32, N36 yang telah dilaksanakan melalui Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 2002.

## LATAR BELAKANG

2. Kerajaan telah bersetuju supaya syarat lantikan skim perkhidmatan Penolong Pegawai Tadbir Gred N27, N32, N36 yang sedang berkuat kuasa diubah dengan menambah baik syarat lantikan bagi perkhidmatan Penghulu. Penambahbaikan ini adalah selaras dengan hasrat kerajaan untuk memartabatkan perkhidmatan Penghulu agar sejajar dengan peranan dan tanggungjawab mereka dalam menjaga pelbagai isu kemasyarakatan serta memastikan kesejahteraan rakyat.

## SKIM PERKHIDMATAN PENOLONG PEGAWAI TADBIR

3. Skim perkhidmatan Penolong Pegawai Tadbir Gred N27, N32, N36 yang diubah adalah seperti berikut:

a. syarat lantikan **diubah** dengan memasukkan perbekalan syarat pengalaman tidak kurang dari 10 tahun dalam bidang yang berkaitan, terlibat dalam aktiviti kemasyarakatan dan sukarela serta berpengetahuan luas dalam pembangunan masyarakat, adat istiadat, agama dan sosiobudaya tempatan bagi pelantikan Penghulu; dan

b. syarat Kenaikan Pangkat Secara Lantikan (KPSL) ke perkhidmatan Penghulu dibuka kepada semua pegawai sedang berkhidmat dalam beberapa Kumpulan Sokongan yang mensyaratkan kelayakan masuk Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan serta telah disahkan dalam perkhidmatan. Pegawai disyaratkan mempunyai pengalaman tidak kurang dari 10 tahun dalam bidang yang berkaitan, terlibat dalam aktiviti kemasyarakatan dan sukarela serta berpengetahuan luas dalam pembangunan masyarakat, adat istiadat, agama dan sosiobudaya tempatan.

4. Skim perkhidmatan Penolong Pegawai Tadbir, Pembantu Tadbir (Perkeranian/ Operasi), Pembantu Pembangunan Masyarakat dan Pembantu Belia dan Sukan yang diubah adalah seperti di **Lampiran A, A1, A2 dan A3**. Format iklan bagi urusan pengambilan ke perkhidmatan Penolong Pegawai Tadbir adalah seperti di **Lampiran B**. Jadual Gaji Matriks bagi skim perkhidmatan Penolong Pegawai Tadbir Gred N27, N32, N36 adalah seperti di **Lampiran C, C1 dan C2**.

## ELAUN DAN KEMUDAHAN

5. Pegawai yang sedang berkhidmat atau lantikan baru bagi skim perkhidmatan Penolong Pegawai Tadbir Gred N27, N32, N36 akan menerima elaun dan kemudahan mengikut pekeliling perkhidmatan/ surat pekeliling perkhidmatan/ surat edaran yang berkuat kuasa.

**TARIKH KUAT KUASA**

6. Tarikh kuat kuasa perubahan skim perkhidmatan Penolong Pegawai Tadbir ialah mulai **1 Januari 2007**.

**PEMAKAIAN**

7. Dengan berkuatkuasanya pekeliling perkhidmatan ini, maka skim perkhidmatan Penolong Pegawai Tadbir yang berkuat kuasa pada 1 November 2002 melalui Lampiran B, Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 2002 adalah dibatalkan dan digantikan dengan skim perkhidmatan dalam pekeliling perkhidmatan ini. Semua pelantikan mulai 1 Januari 2007 hendaklah menggunakan skim perkhidmatan dalam pekeliling perkhidmatan ini.

8. Tertakluk kepada penerimaannya oleh pihak berkuasa masing-masing, peruntukan pekeliling perkhidmatan ini dipanjangkan kepada semua Perkhidmatan Awam Negeri, Pihak Berkuasa Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan.

**'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'**

**( TAN SRI ISMAIL ADAM )**
Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
Malaysia

JABATAN PERKHIDMATAN AWAM
MALAYSIA
PUTRAJAYA

15 Disember 2006

Setiausaha Suruhanjaya Perkhidmatan Awam

Semua Ketua Setiausaha Kementerian

Semua Ketua Jabatan Persekutuan

Semua Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri

Semua Pihak Berkuasa Berkanun

Semua Pihak Berkuasa Tempatan

**LAMPIRAN A**

**SKIM PERKHIDMATAN**
**PENOLONG PEGAWAI TADBIR**

| | | |
|---|---|---|
| **KLASIFIKASI** | : | PERKHIDMATAN PENTADBIRAN DAN SOKONGAN |
| **KUMPULAN PERKHIDMATAN** | : | SOKONGAN |
| **TARIKH KUAT KUASA** | : | 1 JANUARI 2007 |

| **Gred** | | **Jadual Gaji Matriks** | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|
| **Gred N27** | : | P1T1 | RM963.64 | - | P1T26 | RM2421.69 |
| | | P2T1 | RM1019.30 | - | P2T26 | RM2570.52 |
| | | P3T1 | RM1077.38 | - | P3T26 | RM2724.19 |
| **Gred N32** | : | P1T1 | RM1930.43 | - | P1T13 | RM2874.23 |
| | | P2T1 | RM2098.62 | - | P2T13 | RM3129.54 |
| **Gred N36** | : | P1T1 | RM2401.12 | - | P1T11 | RM3551.83 |
| | | P2T1 | RM2569.31 | - | P2T11 | RM3929.35 |

**SYARAT LANTIKAN**

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-

(a) warganegara Malaysia;

(b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;

(c) (i) Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

(Gaji permulaan ialah pada Gred N27: P1T1); atau

(ii) diploma dalam bidang pentadbiran awam yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred N27: P1T5); atau

(iii) diploma dalam bidang pengurusan harta benda yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred N27: P1T6);

[Bagi perkhidmatan Penghulu calon disyaratkan mempunyai pengalaman tidak kurang dari 10 tahun dalam bidang yang berkaitan, terlibat dalam aktiviti kemasyarakatan dan sukarela serta berpengetahuan luas dalam pembangunan masyarakat, adat istiadat, agama dan sosiobudaya tempatan]

dan (d) kepujian Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

**SYARAT KENAIKAN PANGKAT SECARA LANTIKAN KE PERKHIDMATAN:**

**(i) PENOLONG PEGAWAI TADBIR**

2. Syarat Kenaikan Pangkat Secara Lantikan:

2.1 Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi), Pembantu Tadbir (Kesetiausahaan), Pembantu Tadbir (Kewangan), Pengurus Stesen, Pemeriksa Cap Jari dan Penyelia Jurupakaian adalah layak dipertimbang oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk kenaikan pangkat secara lantikan ke jawatan Penolong Pegawai Tadbir Gred N27, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:

(a) (i) mempunyai kelayakan di perenggan 1(c) di atas; atau

(ii) lulus Peperiksaan Khas;

dan (b) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan.

**(ii) PENOLONG PEGAWAI TADBIR (PENGHULU)**

2.2 Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Pembantu Tadbir (Perkeranian/ Operasi), Pembantu Pembangunan Masyarakat dan Pembantu Belia dan Sukan adalah layak dipertimbang oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk kenaikan pangkat secara lantikan ke jawatan Penolong Pegawai Tadbir (Penghulu) Gred N27, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:

(a) (i) mempunyai kelayakan di perenggan 1(c) di atas; atau

(ii) lulus Peperiksaan Khas;
[calon disyaratkan mempunyai pengalaman tidak kurang dari 10 tahun dalam bidang yang berkaitan, terlibat dalam aktiviti kemasyarakatan dan sukarela serta berpengetahuan luas dalam pembangunan masyarakat, adat istiadat, agama dan sosiobudaya tempatan]

dan (b) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan.

**PENETAPAN GAJI PERMULAAN**

3. Gaji permulaan yang lebih tinggi atas P1 Gred N27 boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan berasaskan kepada pengalaman kerja berkaitan.

**TEMPOH PERCUBAAN**

4. Penolong Pegawai Tadbir Gred N27 yang dilantik secara terus atau kenaikan pangkat secara lantikan adalah dikehendaki berkhidmat dalam tempoh percubaan selama 1 hingga 3 tahun.

**LATIHAN**

5. Penolong Pegawai Tadbir boleh dikehendaki mengikuti latihan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/ Perkhidmatan yang berkenaan.

**KURSUS INDUKSI/ PEPERIKSAAN**

6. Penolong Pegawai Tadbir Gred N27 dalam percubaan adalah dikehendaki hadir dengan jayanya kursus induksi dan lulus peperiksaan perkhidmatan yang ditetapkan oleh ketua perkhidmatan yang berkenaan.

**PENGESAHAN DALAM PERKHIDMATAN**

7. Penolong Pegawai Tadbir Gred N27 yang dilantik adalah layak disahkan dalam perkhidmatan apabila telah:-

(a) memenuhi tempoh percubaan;

(b) hadir dengan jayanya kursus induksi dan lulus peperiksaan perkhidmatan yang ditetapkan; dan

(c) diperaku oleh Ketua Jabatan/ Perkhidmatan.

**PERGERAKAN GAJI TAHUNAN**

8. Pergerakan gaji tahunan adalah tidak automatik dan akan ditetapkan oleh ketua perkhidmatan berdasarkan prestasi perkhidmatan.

**PENILAIAN TAHAP KECEKAPAN**

9. Penolong Pegawai Tadbir hendaklah melepasi penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/ Perkhidmatan untuk kenaikan pangkat.

**KENAIKAN PANGKAT KE GRED N32**

10. Penolong Pegawai Tadbir Gred N27 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Penolong Pegawai Tadbir Gred N32 yang kosong apabila telah:-

(a) disahkan dalam perkhidmatan;

(b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;

(c) melepasi semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan

(d) diperaku oleh Ketua Jabatan/ Perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT KE GRED N36**

11. Penolong Pegawai Tadbir Gred N32 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Penolong Pegawai Tadbir Gred N36 yang kosong apabila telah:-

(a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;

(b) melepasi semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan

(c) diperaku oleh Ketua Jabatan/ Perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT SECARA LANTIKAN KE PERKHIDMATAN PEGAWAI TADBIR**

12. Penolong Pegawai Tadbir yang menunjukkan prestasi yang cemerlang adalah layak dipertimbang oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk kenaikan pangkat secara lantikan ke jawatan Pegawai Tadbir Gred N41 yang kosong mengikut syarat-syarat yang ditetapkan dalam skim perkhidmatan berkenaan.

**Nota:** Skim perkhidmatan ini menggantikan skim perkhidmatan terdahulu yang berkuat kuasa pada 1.11.2002 [Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 2002, JPA(S)71/3Klt.2(3)].

**LAMPIRAN A1**

**SKIM PERKHIDMATAN**
**PEMBANTU TADBIR (PERKERANIAN/ OPERASI)**

| | | |
|---|---|---|
| **KLASIFIKASI** | : | PERKHIDMATAN PENTADBIRAN DAN SOKONGAN |
| **KUMPULAN PERKHIDMATAN** | : | SOKONGAN |
| **TARIKH KUAT KUASA** | : | 1 JANUARI 2007 |

| **Gred** | | **Jadual Gaji Matriks** | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|
| **Gred N17** | : | P1T1 | RM656.30 | - | P1T24 | RM1721.10 |
| | | P2T1 | RM697.44 | - | P2T24 | RM1817.90 |
| | | P3T1 | RM739.79 | - | P3T24 | RM1918.33 |
| **Gred N22** | : | P1T1 | RM1532.34 | - | P1T12 | RM2270.44 |
| | | P2T1 | RM1646.08 | - | P2T12 | RM2507.60 |
| **Gred N26** | : | P1T1 | RM1757.40 | - | P1T9 | RM2386.60 |
| | | P2T1 | RM1925.59 | - | P2T9 | RM2612.87 |

**SYARAT LANTIKAN**

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-

(a) warganegara Malaysia;

(b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;

(c) (i) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

(Gaji permulaan ialah pada Gred N17: P1T1); atau

(ii) Sijil Perancang Bandar dan Wilayah daripada UiTM yang diiktiraf oleh kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred N17: P1T6); atau

(iii) Sijil Institut Pertanian atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

(Gaji permulaan ialah pada Gred N17: P1T8); atau

(iv) sijil dalam bidang kejuruteraan ukur tanah atau perancang bandar dan wilayah yang diiktiraf oleh kerajaan daripada politeknik-politeknik tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred N17: P1T9);

dan (d) kepujian Bahasa Malaysia/ Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

(Keutamaan diberi kepada calon yang berkebolehan mengendalikan komputer dan/ atau mengambil trengkas).

**SYARAT KENAIKAN PANGKAT SECARA LANTIKAN**

2. Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Pembantu Tadbir Rendah adalah layak dipertimbang oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk kenaikan pangkat secara lantikan ke jawatan Pembantu Tadbir (Perkeranian/ Operasi) Gred N17, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:-

(a) (i) mempunyai kelayakan di perenggan 1(c) di atas; atau

(ii) lulus Peperiksaan Khas; dan

(b) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan.

**PENETAPAN GAJI PERMULAAN**

3. Gaji permulaan yang lebih tinggi atas P1 Gred N17 boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan berasaskan kepada pengalaman kerja berkaitan.

**TEMPOH PERCUBAAN**

4. Pembantu Tadbir (Perkeranian/ Operasi) Gred N17 yang dilantik secara terus atau kenaikan pangkat secara lantikan adalah dikehendaki berkhidmat dalam tempoh percubaan selama 1 hingga 3 tahun.

**LATIHAN**

5. Pembantu Tadbir (Perkeranian/ Operasi) boleh dikehendaki mengikuti latihan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/ Perkhidmatan yang berkenaan.

**KURSUS INDUKSI/ PEPERIKSAAN**

6. Pembantu Tadbir (Perkeranian/ Operasi) Gred N17 dalam percubaan adalah dikehendaki hadir dengan jayanya kursus induksi dan lulus peperiksaan perkhidmatan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/ Perkhidmatan yang berkenaan.

**PENGESAHAN DALAM PERKHIDMATAN**

7. Pembantu Tadbir (Perkeranian/ Operasi) Gred N17 yang dilantik adalah layak disahkan dalam perkhidmatan apabila telah:-

(a) memenuhi tempoh percubaan;

(b) hadir dengan jayanya kursus induksi dan lulus peperiksaan perkhidmatan yang ditetapkan; dan

(c) diperaku oleh Ketua Jabatan/ Perkhidmatan.

**PERGERAKAN GAJI TAHUNAN**

8. Pergerakan gaji tahunan adalah tidak automatik dan akan ditetapkan oleh Ketua Jabatan/ Perkhidmatan berdasarkan prestasi perkhidmatan.

**PENILAIAN TAHAP KECEKAPAN**

9. Pembantu Tadbir (Perkeranian/ Operasi) hendaklah melepasi penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/ Perkhidmatan untuk kenaikan pangkat.

**KENAIKAN PANGKAT KE GRED N22**

10. Pembantu Tadbir (Perkeranian/ Operasi) Gred N17 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pembantu Tadbir (Perkeranian/ Operasi) Gred N22 yang kosong apabila telah:-

(a) disahkan dalam perkhidmatan;

(b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;

(c) melepasi semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan

(d) diperaku oleh Ketua Jabatan/ Perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT KE GRED N26**

11. Pembantu Tadbir (Perkeranian/ Operasi) Gred N22 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pembantu Tadbir (Perkeranian/ Operasi) Gred N26 yang kosong apabila telah:-

(a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;

(b) melepasi semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan

(c) diperaku oleh Ketua Jabatan/ Perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT SECARA LANTIKAN KE PERKHIDMATAN PENOLONG PEGAWAI TADBIR**

12. Pembantu Tadbir (Perkeranian/ Operasi) yang menunjukkan prestasi yang cemerlang adalah layak dipertimbang oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk kenaikan pangkat secara lantikan ke jawatan Penolong Pegawai Tadbir Gred N27 yang kosong mengikut syarat-syarat yang ditetapkan di perenggan 2.1 dan 2.2 dalam skim perkhidmatan berkenaan.

Nota: Skim perkhidmatan ini menggantikan skim perkhidmatan terdahulu yang berkuat kuasa pada 1.1.2005 [Lampiran E3 kepada Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 2 Tahun 2005, JPA(S)324/14/23-3Klt.6(39)].

**SKIM PERKHIDMATAN**
**PEMBANTU PEMBANGUNAN MASYARAKAT**

| | | |
|---|---|---|
| **KLASIFIKASI** | : | PERKHIDMATAN SOSIAL |
| **KUMPULAN PERKHIDMATAN** | : | SOKONGAN |
| **TARIKH KUAT KUASA** | : | 1 JANUARI 2007 |

| **Gred** | | **Jadual Gaji Matriks** |
|---|---|---|
| **Gred S17** | : | P1T1 RM656.30 - P1T24 RM1721.10<br>P2T1 RM697.44 - P2T24 RM1817.90<br>P3T1 RM739.79 - P3T24 RM1918.33 |
| **Gred S22** | : | P1T1 RM1532.34 - P1T12 RM2270.44<br>P2T1 RM1646.08 - P2T12 RM2507.60 |
| **Gred S26** | : | P1T1 RM1756.19 - P1T9 RM2385.39<br>P2T1 RM1924.38 - P2T9 RM2611.66 |

**SYARAT LANTIKAN**

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-

   (a) warganegara Malaysia;

   (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;

   (c) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan;

   dan

   (d) lulus Bahasa Malaysia/ Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

**PENETAPAN GAJI PERMULAAN**

2. Gaji permulaan yang lebih tinggi atas P1 Gred S17 boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan berasaskan kepada pengalaman kerja berkaitan.

**TEMPOH PERCUBAAN**

3. Pembantu Pembangunan Masyarakat Gred S17 yang dilantik adalah dikehendaki berkhidmat dalam tempoh percubaan selama 1 hingga 3 tahun.

**LATIHAN**

4. Pembantu Pembangunan Masyarakat boleh dikehendaki mengikuti latihan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/ Perkhidmatan yang berkenaan.

**KURSUS INDUKSI/ PEPERIKSAAN**

5. Pembantu Pembangunan Masyarakat Gred S17 dalam percubaan adalah dikehendaki hadir dengan jayanya kursus induksi dan lulus peperiksaan perkhidmatan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/ Perkhidmatan yang berkenaan.

**PENGESAHAN DALAM PERKHIDMATAN**

6. Pembantu Pembangunan Masyarakat Gred S17 yang dilantik adalah layak disahkan dalam perkhidmatan apabila telah:-

(a) memenuhi tempoh percubaan;

(b) hadir dengan jayanya kursus induksi dan lulus peperiksaan perkhidmatan yang ditetapkan; dan

(c) diperaku oleh Ketua Jabatan/ Perkhidmatan.

**PERGERAKAN GAJI TAHUNAN**

7. Pergerakan gaji tahunan adalah tidak automatik dan akan ditetapkan oleh Ketua Jabatan/ Perkhidmatan berdasarkan prestasi perkhidmatan.

**PENILAIAN TAHAP KECEKAPAN**

8. Pembantu Pembangunan Masyarakat hendaklah melepasi penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/ Perkhidmatan untuk kenaikan pangkat.

**KENAIKAN PANGKAT KE GRED S22**

9. Pembantu Pembangunan Masyarakat Gred S17 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pembantu Pembangunan Masyarakat Gred S22 yang kosong apabila telah:-

(a) disahkan dalam perkhidmatan;

(b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;

(c) melepasi semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan

(d) diperaku oleh Ketua Jabatan/ Perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT KE GRED S26**

10. Pembantu Pembangunan Masyarakat Gred S22 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pembantu Pembangunan Masyarakat Gred S26 yang kosong apabila telah:-

(a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;

(b) melepasi semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan

(c) diperaku oleh Ketua Jabatan/ Perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT SECARA LANTIKAN KE PERKHIDMATAN PENOLONG PEGAWAI PEMBANGUNAN MASYARAKAT DAN PENOLONG PEGAWAI TADBIR (PENGHULU)**

11. Pembantu Pembangunan Masyarakat yang menunjukkan prestasi yang cemerlang adalah layak dipertimbang oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk kenaikan pangkat secara lantikan ke jawatan Penolong Pegawai Pembangunan Masyarakat Gred S27 dan Penolong Pegawai Tadbir (Penghulu) Gred N27 yang kosong mengikut syarat-syarat yang ditetapkan dalam skim perkhidmatan berkenaan.

**Nota:** Skim perkhidmatan ini membatalkan skim perkhidmatan terdahulu yang berkuat kuasa pada 1.11.2002 [Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 2002, JPA(S)71/3Klt.2(3)].

**LAMPIRAN A3**

**SKIM PERKHIDMATAN**
**PEMBANTU BELIA DAN SUKAN**

| | | |
|---|---|---|
| **KLASIFIKASI** | : | PERKHIDMATAN SOSIAL |
| **KUMPULAN PERKHIDMATAN** | : | SOKONGAN |
| **TARIKH KUAT KUASA** | : | 1 JANUARI 2007 |

| **Gred** | | **Jadual Gaji Matriks** | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|
| **Gred S17** | : | P1T1 | RM656.30 | - | P1T24 | RM1721.10 |
| | | P2T1 | RM697.44 | - | P2T24 | RM1817.90 |
| | | P3T1 | RM739.79 | - | P3T24 | RM1918.33 |
| **Gred S22** | : | P1T1 | RM1532.34 | - | P1T12 | RM2270.44 |
| | | P2T1 | RM1646.08 | - | P2T12 | RM2507.60 |
| **Gred S26** | : | P1T1 | RM1756.19 | - | P1T9 | RM2385.39 |
| | | P2T1 | RM1924.38 | - | P2T9 | RM2611.66 |

**SYARAT LANTIKAN**

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-

   (a) warganegara Malaysia;

   (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;

   (c) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan;

   dan (d) lulus Bahasa Malaysia/ Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

   (Keutamaan diberi kepada calon yang mempunyai pengalaman dalam kegiatan-kegiatan belia atau sukan).

**PENETAPAN GAJI PERMULAAN**

2. Gaji permulaan yang lebih tinggi atas P1 Gred S17 boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan berasaskan kepada pengalaman kerja berkaitan.

**TEMPOH PERCUBAAN**

3. Pembantu Belia dan Sukan Gred S17 yang dilantik adalah dikehendaki berkhidmat dalam tempoh percubaan selama 1 hingga 3 tahun.

**LATIHAN**

4. Pembantu Belia dan Sukan boleh dikehendaki mengikuti latihan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/ Perkhidmatan yang berkenaan.

**KURSUS INDUKSI/ PEPERIKSAAN**

5. Pembantu Belia dan Sukan Gred S17 dalam percubaan adalah dikehendaki hadir dengan jayanya kursus induksi dan lulus peperiksaan perkhidmatan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/ Perkhidmatan yang berkenaan.

**PENGESAHAN DALAM PERKHIDMATAN**

6. Pembantu Belia dan Sukan Gred S17 yang dilantik adalah layak disahkan dalam perkhidmatan apabila telah:-

(a) memenuhi tempoh percubaan;

(b) hadir dengan jayanya kursus induksi dan lulus peperiksaan perkhidmatan yang ditetapkan; dan

(c) diperaku oleh Ketua Jabatan/ Perkhidmatan.

**PERGERAKAN GAJI TAHUNAN**

7. Pergerakan gaji tahunan adalah tidak automatik dan akan ditetapkan oleh Ketua Jabatan/ Perkhidmatan berdasarkan prestasi perkhidmatan.

**PENILAIAN TAHAP KECEKAPAN**

8. Pembantu Belia dan Sukan hendaklah melepasi penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/ Perkhidmatan untuk kenaikan pangkat.

**KENAIKAN PANGKAT KE GRED S22**

9. Pembantu Belia dan Sukan Gred S17 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pembantu Belia dan Sukan Gred S22 yang kosong apabila telah:-

(a) disahkan dalam perkhidmatan;

(b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;

(c) melepasi semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan

(d) diperaku oleh Ketua Jabatan/ Perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT KE GRED S26**

10. Pembantu Belia dan Sukan Gred S22 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pembantu Belia dan Sukan Gred S26 yang kosong apabila telah:-

(a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;

(b) melepasi semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan

(c) diperaku oleh Ketua Jabatan/ Perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT SECARA LANTIKAN KE PERKHIDMATAN PENOLONG PEGAWAI BELIA DAN SUKAN DAN PENOLONG PEGAWAI TADBIR (PENGHULU)**

11. Pembantu Belia dan Sukan yang menunjukkan prestasi yang cemerlang adalah layak dipertimbang oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk kenaikan pangkat secara lantikan ke jawatan Penolong Pegawai Belia dan Sukan Gred S27 dan Penolong Pegawai Tadbir (Penghulu) Gred N27 yang kosong mengikut syarat-syarat yang ditetapkan dalam skim perkhidmatan berkenaan.

**Nota:** Skim perkhidmatan ini membatalkan skim perkhidmatan terdahulu yang berkuat kuasa pada 1.11.2002 [Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 2002, JPA(S)71/3Klt.2(3)].

**LAMPIRAN B**

## FORMAT IKLAN JAWATAN

| | | | |
|---|---|---|---|
| 1. | (a) Jawatan | : | Penolong Pegawai Tadbir |
| | (b) Kementerian | : | (Nyatakan Nama Agensi) |
| | (c) Kumpulan Perkhidmatan | : | Sokongan |
| | (d) Klasifikasi Perkhidmatan | : | Klasifikasi Perkhidmatan Pentadbiran dan Sokongan |

2. Jadual Gaji

Jadual Gaji Matriks

| | | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|
| Gred N27 | : | P1T1 | RM963.64 | - | P1T26 | RM2421.69 |
| | | P2T1 | RM1019.30 | - | P2T26 | RM2570.52 |
| | | P3T1 | RM1077.38 | - | P3T26 | RM2724.19 |
| Gred N32 | : | P1T1 | RM1930.43 | - | P1T13 | RM2874.23 |
| | | P2T1 | RM2098.62 | - | P2T13 | RM3129.54 |
| Gred N36 | : | P1T1 | RM2401.12 | - | P1T11 | RM3551.83 |
| | | P2T1 | RM2569.31 | - | P2T11 | RM3929.35 |

3. Syarat Lantikan : Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-

(a) warganegara Malaysia;

(b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;

(c) (i) Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

(Gaji permulaan ialah pada Gred N27:P1T1); atau

(ii) diploma dalam bidang pentadbiran awam yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred N27:P1T5); atau

(iii) diploma dalam bidang pengurusan harta benda yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred N27:P1T6);

[Bagi perkhidmatan Penghulu calon disyaratkan mempunyai pengalaman tidak kurang dari 10 tahun dalam bidang yang berkaitan, terlibat dalam aktiviti kemasyarakatan dan sukarela serta berpengetahuan luas dalam pembangunan masyarakat, adat istiadat, agama dan sosiobudaya tempatan]

dan (d) kepujian Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

4. Syarat Kenaikan Pangkat Secara Lantikan Ke Perkhidmatan:

(i) Penolong Pegawai Tadbir

Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi), Pembantu Tadbir (Kesetiausahaan), Pembantu Tadbir (Kewangan), Pengurus Stesen, Pemeriksa Cap Jari dan Penyelia Jurupakaian adalah layak dipertimbang oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk kenaikan pangkat secara lantikan ke jawatan Penolong Pegawai Tadbir Gred N27, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:

(a) (i) mempunyai kelayakan di perenggan 1(c) di atas; atau

(ii) lulus Peperiksaan Khas;

dan (b) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan.

(ii) Penolong Pegawai Tadbir (Penghulu)

Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Pembantu Tadbir (Perkeranian/ Operasi), Pembantu Pembangunan Masyarakat dan Pembantu Belia dan Sukan adalah layak dipertimbang oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk kenaikan pangkat secara lantikan ke jawatan Penolong Pegawai Tadbir (Penghulu) Gred N27, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:

(a) (i) mempunyai kelayakan di perenggan 1(c) di atas; atau

(ii) lulus Peperiksaan Khas;
[Calon disyaratkan mempunyai pengalaman tidak kurang dari 10 tahun dalam bidang yang berkaitan, terlibat dalam aktiviti kemasyarakatan dan sukarela serta berpengetahuan luas dalam pembangunan masyarakat, adat istiadat, agama dan sosiobudaya tempatan]

dan (b) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan.

5. Taraf Jawatan : (Nyatakan sama ada bertaraf tetap atau sementara)

| | | | |
|---|---|---|---|
| 6. | Penaklukan di Bawah Syarat-Syarat Skim Perkhidmatan | : | Pegawai-pegawai yang memasuki perkhidmatan Penolong Pegawai Tadbir adalah tertakluk kepada syarat-syarat skim perkhidmatan berkenaan yang berkuat kuasa serta pindaan-pindaan yang dibuat ke atasnya dari semasa ke semasa. |
| 7. | Fungsi Bidang Tugas | : | (Untuk diisi oleh Ketua Jabatan/ Perkhidmatan setiap kali pengiklanan dibuat) |
| 8. | Tarikh Tutup Permohonan | : | (Nyatakan tarikh tutup permohonan) |

LAMPIRAN C

# JADUAL GAJI SISTEM SARAAN MALAYSIA BAGI PERKHIDMATAN PENTADBIRAN DAN SOKONGAN
SOKONGAN

(RM SEBULAN)

I. GRED GAJI SSM : N27

II. KOD GAJI KOMPUTER SSM : NA27000

III. TARIKH KUATKUASA : 1.1.2007

JADUAL GAJI SSM : N27

| | T1 | T2 | T3 | T4 | T5 | T6 | T7 | T8 | T9 | T10 | T11 | T12 | T13 |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| P1 | 963.64 | 1016.88 | 1070.12 | 1123.36 | 1176.60 | 1229.84 | 1283.08 | 1336.32 | 1389.56 | 1442.80 | 1496.04 | 1549.26 | 1602.52 |
| P2 | 1019.30 | 1074.96 | 1130.62 | 1186.28 | 1241.94 | 1297.60 | 1353.26 | 1408.92 | 1464.58 | 1520.24 | 1575.90 | 1631.56 | 1687.22 |
| P3 | 1077.38 | 1135.46 | 1193.54 | 1251.62 | 1309.70 | 1367.78 | 1425.86 | 1483.94 | 1542.02 | 1600.10 | 1858.18 | 1716.26 | 1774.34 |

| | T14 | T15 | T16 | T17 | T18 | T19 | T20 | T21 | T22 | T23 | T24 | T25 | T26 |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| P1 | 1655.76 | 1709.00 | 1762.24 | 1815.46 | 1666.72 | 1921.96 | 1975.20 | 2028.44 | 2107.09 | 2185.74 | 2284.39 | 2343.04 | 2421.69 |
| P2 | 1742.88 | 1798.54 | 1854.20 | 1909.86 | 1965.52 | 2021.18 | 2076.84 | 2159.12 | 2241.40 | 2323.68 | 2405.96 | 2488.24 | 2570.52 |
| P3 | 1832.42 | 1890.50 | 1948.58 | 2006.66 | 2064.74 | 2122.82 | 2208.73 | 2294.64 | 2380.55 | 2466.46 | 2552.37 | 2638.28 | 2724.19 |

LAMPIRAN C1

**JADUAL GAJI SISTEM SARAAN MALAYSIA BAGI PERKHIDMATAN PENTADBIRAN DAN SOKONGAN SOKONGAN**

**(RM SEBULAN)**

**I. GRED GAJI SSM : N32**

**II. KOD GAJI KOMPUTER SSM : NA32000**

**III. TARIKH KUATKUASA : 1.1.2007**

**JADUAL GAJI SSM : N32**

| | T1 | T2 | T3 | T4 | T5 | T6 | T7 | T8 | T9 | T10 | T11 | T12 | T13 |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| **P1** | 1930.43 | 2009.08 | 2087.73 | 2166.38 | 2245.03 | 2323.68 | 2402.33 | 2480.98 | 2559.63 | 2638.28 | 2716.93 | 2795.58 | 2874.23 |
| **P2** | 2098.62 | 2184.53 | 2270.44 | 2356.35 | 2442.26 | 2528.17 | 2614.08 | 2699.99 | 2785.90 | 2871.81 | 2957.72 | 3043.63 | 3129.54 |

**LAMPIRAN C2**

## JADUAL GAJI SISTEM SARAAN MALAYSIA BAGI PERKHIDMATAN PENTADBIRAN DAN SOKONGAN SOKONGAN

**(RM SEBULAN)**

**I. GRED GAJI SSM : N36**

**II. KOD GAJI KOMPUTER SSM : NA36000**

**III. TARIKH KUATKUASA : 1.1.2007**

**JADUAL GAJI SSM : N36**

| | T1 | T2 | T3 | T4 | T5 | T6 | T7 | T8 | T9 | T10 | T11 |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| **P1** | 2401.12 | 2479.77 | 2558.42 | 2637.07 | 2767.75 | 2898.43 | 3029.11 | 3159.79 | 3290.47 | 3421.15 | 3551.83 |
| **P2** | 2569.31 | 2655.22 | 2796.79 | 2938.36 | 3079.93 | 3221.50 | 3363.07 | 3504.64 | 3646.21 | 3787.78 | 3929.35 |